

15/09/2003

Penurunan kadar faedah pinjaman PTPTN disokong

IPOH: Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mengalu-alukan langkah kerajaan menurunkan kadar faedah pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan melonggarkan tempoh bayaran balik.

Presidennya, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata penurunan faedah pinjaman dari empat kepada tiga peratus serta pembayaran balik hanya selepas tahun ketiga graduan bekerja membolehkan golongan itu membayar balik pinjaman dengan kos lebih rendah.

Katanya, pembayaran balik selepas tiga tahun bekerja membolehkan wang yang sepatutnya digunakan membayar pinjaman itu disimpan sebagai tabungan atau digunakan membantu keluarga.

"Ini memberi peluang graduan `bernafas sedikit' sebaik mereka menamatkan pengajian kerana dalam tempoh tiga tahun itu, mereka boleh menggunakan wang yang sepatutnya dibayar kepada PTPTN bagi membantu keluarga mereka.

"Satu perkara lagi mereka yang baru menamatkan pengajian di pusat pengajian tinggi sering menghadapi masalah membiayai kos perkahwinan.

"Oleh itu, wang berkenaan juga boleh disimpan bagi kegunaan sendiri seperti persediaan perkahwinan.

"Jadi, secara tersirat langkah ini mengurangkan masalah graduan lewat berkahwin. Kini tidak dinafikan ada kalangan pelajar tidak berani mendirikan rumah tangga lebih awal selepas menamatkan pengajian kerana masalah wang," katanya di sini, semalam.

Penurunan faedah dan kelonggaran masa pembayaran balik PTPTN itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004, Jumaat lalu.

Suhaimi berkata, kesediaan kerajaan menimbang memberi pinjaman PTPTN kepada pelajar yang melanjutkan pengajian luar negara menerusi program berkembar bagi tahun akhir, mampu menggalakkan kajian dan penyelidikan (R&D) dalam negara.